

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

HKN 202 – Kajian Teks Melayu Klasik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan di dalam **DUA [2]** bahagian iaitu **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja, **DUA [2]** soalan dari setiap bahagian.

BAHAGIAN A

1. Karya sastera merupakan dokumen sosiobudaya sesebuah masyarakat. Bincangkan pernyataan ini berdasarkan **Sulalatus Salatin** dengan memberi penekanan pada aspek sosial dan ekonomi masyarakat Melayu tradisional.
2. Kemukakan pandangan anda secara kritis tentang sikap dan pemikiran pengarang **Hikayat Hang Tuah** dalam menegakkan jati diri Melayu sesuai dengan kedudukan teks itu sebagai sebuah karya epik.
3. Sejauhmanakah pencolekan Sita oleh Rawana dalam **Hikayat Seri Rama** memainkan peranan dalam menentukan perkembangan plot hikayat tersebut.

4. Motif utama untuk berkelana dalam kebanyakan cerita Panji adalah keputusan seorang putera raja, iaitu putera mahkota Kuripan kerana kehilangan tunangannya.... Dengan demikian maka terjadilah perjalanan-perjalanan yang panjang untuk mencari orang yang hilang. Akhirnya mereka akan bertemu dan saling mengenal. Ternyata motif-motif itu telah digabungkan oleh pengarang sehingga menjadi sebuah kerangka cerita yang unik, dan dapat dianggap sebagai pola cerita Panji yang autentik.
- (Abdul Rahman Kaeh)

Bincangkan pernyataan di atas berdasarkan **Hikayat Panji Semirang**.

BAHAGIAN B

5. Bincangkan unsur-unsur mitos dan lagenda dalam **Sulalatus Salatin** dan **Hikayat Raja Pasai** serta jelaskan kepentingan unsur-unsur tersebut dalam menentukan nilai estetik karya-karya berkenaan.
6. **Hikayat Hang Tuah** dan **Hikayat Seri Rama** merupakan dua buah karya epik yang masing-masing cuba menonjolkan wira bangsa Melayu dan wira Hindu. Bincangkan.
7. Bandingkan perwatakan Sultan Mahmud Syah dalam **Sulalatus Salatin** dan perwatakan Rawana dalam **Hikayat Seri Rama** berdasar hakikat diri manusia.
8. Kemukakan satu pandangan yang kritis tentang imej wanita dalam **Hikayat Panji Semirang** berbanding dengan imej wanita dalam teks-teks Melayu klasik yang lain.